

PKP uji kerjasama ibu bapa, guru

**Prof Dr
Samsilah
Roslan**

*Dekan Fakulti Pengajian
Pendidikan Universiti Putra
Malaysia (UPM)*

Pandemik COVID-19 menyebabkan pelbagai fenomena tidak pernah terfikir dan tergambar berlaku di seluruh dunia.

Implikasi wabak menyebabkan majoriti pejabat, perniagaan, universiti bahkan sekolah di seluruh dunia ditutup demi memutuskan rangkaian jangkitan.

Menurut Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), pada 18 Mac lalu sejumlah 107 negara di seluruh dunia menguatkuasakan penutupan sekolah. Ini membabitkan 862 juta murid seluruh dunia, iaitu hampir separuh populasi global murid.

Di Malaysia, lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penutupan sekolah sedikit sebanyak menimbulkan keresahan. Namun dari sudut positif, ia seolah 'memulangkan kembali' hampir sepenuhnya tanggungjawab mendidik anak kepada ibu bapa.

Ibu bapa yang sebelum ini sibuk bekerja mempunyai peluang untuk menikmati saat berharga ber-

sama anak, membantu mereka dalam pelajaran, melakukan pelbagai aktiviti seharian bersama, solat berjemaah pada awal waktu bersama, bahkan berpeluang menurunkan kelebihan, pengalaman, kematangan masing-masing kepada anak tercinta.

Begitupun, senario ini hanya akan berlaku jika ibu bapa menyedari hikmah peluang keemasan ini dan menggunakannya sebaik mungkin.

Komunikasi berterusan dengan guru dan sekolah serta sikap saling menghormati amat penting kerana ketika ini guru benar-benar terpaksa bergantung kepada bantuan dan kerjasama ibu bapa untuk memastikan anak mengikuti semua pembelajaran, tugas dan penilaian dalam talian yang disediakan.

Tanpa kerjasama ibu bapa, akan berlaku keadaan murid tidak mengikuti pembelajaran disediakan tanpa guru dapat berbuat apa-apa, sekali gus merugikan murid itu sendiri.

Seeloknya ibu bapa membantu memotivasikan anak dengan menjelaskan latihan diberi antara aktiviti pembelajaran untuk membantu agar lebih memahami pelajaran.

Sekiranya tugas dirasakan terlalu sukar atau membebankan, sewajarnya ia dibincangkan secara berhemah dengan guru kerana ibu bapa ialah 'mata, kaki dan tangan' bagi guru untuk memantau, memerhatikan

dan memfasilitasi pembelajaran anak di rumah.

Tanpa bantuan ibu bapa, amat sukar bagi guru mengakses pemikiran, perasaan dan tindakan murid sepanjang proses pembelajaran.

Selain itu, penyediaan ruang terhindar daripada perkara mengganggu tumpuan amat penting. Di sinilah kreativiti, daya usaha dan komitmen ibu bapa diperlukan.

Penyediaan peranti bersesuaian dengan sambungan internet

Komunikasi berterusan dengan guru dan sekolah serta sikap saling menghormati amat penting kerana ketika ini guru benar-benar terpaksa bergantung kepada bantuan dan kerjasama ibu bapa untuk memastikan anak mengikuti semua pembelajaran, tugas dan penilaian dalam talian yang disediakan.

yang baik perlu diusahakan ibu bapa. Di negara ini, banyak insentif dalam bentuk WiFi percuma serta bantuan kelengkapan untuk pembelajaran dalam talian di rumah, asalkan kita mengambil tahu dan mengambil tindakan, demi pembelajaran anak.

Slot TV Pendidikan (TV Okey) oleh RTM juga boleh dimanfaatkan ibu bapa untuk membantu anak belajar di rumah.

Satu perkara perlu disebut ialah PKP berkemungkinan menimbulkan kerisauan dalam kalangan murid yang akan mengambil peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) atau Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Ketidaktentuan perancangan boleh menyebabkan kerisauan melampau jika tidak ditangani. Ibu bapa dan guru serta pihak Kementerian Pendidikan perlu mempunyai saluran rasmi khas untuk bersoal jawab dan mendapatkan info sahih.

Kerjasama dengan kaunselor terlatih, ahli psikologi dan kumpulan sokongan juga boleh dirintis daripada saluran rasmi berkenaan bagi memberikan intervensi lebih terkhusus.

Tidak dinafikan pelbagai ragam murid dalam menghadapi lanjutan tempoh PKP. Ada gembira kerana melihatnya sebagai tambahan masa bermain permainan video, melayari internet atau bermedia sosial.

Di sini penting ibu bapa mengasah kemahiran keibubapaan masing-masing dalam menguatkuasakan disiplin dan peraturan di rumah bagi memastikan ketertaturan dalam kehidupan anak diteruskan secara konsisten.

Murid yang mempunyai personaliti *ekstrovert* mungkin akan berhadapan lebih cabaran berbanding *introvert* dan suka bekerja sendiri.

Kuarantin akan dirasakan lenggu melemaskan dan boleh menyebabkan tekanan mental. Justeru, semua pihak perlu mengawasi tanda kemurungan pada murid dan membantu mereka mendapatkan nasihat profesional secepat mungkin.

Secara umum, PKP ialah cabaran amat besar buat semua, termasuk guru. Pada masa inilah segala kemahiran pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian teruji.

Guru perlu membuat banyak persediaan bahan, merakam video bagi murid yang menghadapi masalah untuk mengikuti pembelajaran dalam talian bersama guru serta menghabiskan masa berjam-jam di hadapan komputer setiap hari untuk mengajar, menyemak latihan dan tugas serta memberikan maklum balas.

Sekiranya ramai murid 'ponteng,' ia menyebabkan tekanan kepada guru. Yang jelas pandemik COVID-19 ini benar-benar menguji tahap kesabaran dan kemahiran adaptasi semua pihak.